



LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
FISHERIES DEVELOPMENT AUTHORITY OF MALAYSIA
Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti
47120 Puchong
MALAYSIA



LKIM

Tel: 603-8064 9000
Faks (fax) : 603-8060 3726
Laman Web (web) : <http://lkim.gov.my>

LKIM: M406/768/7/1 Jld ()
31 Mei 2021

Kepada semua:
Pengarah LKIM Negeri

Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PENUTUPAN OPERASI PUSAT PENGISYTIHARAN LKIM DALAM
TEMPOH PKP FASA 1 : 1 HINGGA 14 JUN 2021**

Dengan segala hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan arahan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 30 Mei 2021, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia akan melaksanakan **penutupan penuh** perkhidmatan kaunter Pusat Pengisytiharan LKIM di seluruh negara **berkuatkuasa selama 14 hari mulai 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021**.

3. Sepanjang tempoh ini, semua kakitangan pengisytiharan diminta untuk **Bekerja dari Rumah (BDR)** sepertimana arahan yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, tuan/puan diminta membuat hebahan mengenai pemakluman ini di semua Pusat Pengisytiharan di negeri masing-masing melalui notis pemakluman seperti di lampiran.

Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(YUSOFF BIN OTHMAN)

Ketua Pengarah

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia



LKIM

UNTUK HEBAHAN UMUM

**NOTIS PENUTUPAN PUSAT PENGISYTIHARAN DALAM
TEMPOH PKP FASA 1 : 1 - 14 JUN 2021**

1. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia akan melaksanakan **penutupan penuh** perkhidmatan kaunter Pusat Pengisytiharan LKIM di seluruh negara **berkuatkuasa selama 14 hari mulai 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021**.
2. Walaubagaimanapun, nelayan masih diwajibkan untuk mengisytiharkan hasil tangkapan sepanjang tempoh ini. Oleh yang demikian, semua nelayan **dikehendaki untuk menyimpan segala dokumen berkaitan urusan jualan ikan dan resit belian minyak sepanjang tempoh tersebut** bagi tujuan kunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePengisytiharan setelah Pusat Pengisytiharan LKIM kembali beroperasi semula.
3. Kegagalan untuk mematuhi Perkara (2) di atas boleh memberi kesan terhadap pembayaran Insentif Hasil Tangkapan Ikan.

Dengan Perintah,

KETUA PENGARAH

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA